

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 23 MAC 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 18**

**YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos yang terlibat dalam mengurus mangsa banjir tahun 2014 dan 2017 di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kejadian banjir yang melanda negeri-negeri di pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh hujan lebat berterusan bermula pada 14 sehingga 28 Disember 2014. Selain daripada negeri-negeri berkenaan, banjir juga turut berlaku di Perak, Johor, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Banjir pada musim tengkujuh pada tahun 2014 yang lalu merupakan banjir yang paling teruk pernah melanda Negeri Kelantan. Ini berdasarkan kepada cerapan paras sungai yang direkodkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di mana paras air yang tertinggi dicatatkan di Tangga Krai adalah pada paras 34.17 meter berbanding bacaan pada tahun 1967 dan 2004 iaitu masing-masing 33.61 meter dan 29.70 meter. Catatan tertinggi ini juga turut direkodkan di Tambatan Diraja iaitu pada paras 7.03 meter berbanding bacaan pada 1967 (6.22 meter) dan 2004 (6.70 meter).

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat selaku agensi yang bertanggungjawab menguruskan pusat-pusat pemindahan, statistik pemindahan mangsa banjir adalah seramai 334,779 mangsa dari 82,387 keluarga telah dipindahkan ke 1,198 pusat pemindahan di seluruh negara pada ketika itu.

Pada tahun 2017, MetMalaysia merekodkan sebanyak enam (6) episod hujan lebat Monsun Timur Laut telah melanda negara, walau bagaimanapun hanya dua (2) episod hujan lebat yang mengakibatkan kejadian banjir bermula dari

31 Disember 2016 hingga 4 Januari 2017 dan episod kedua yang bermula dari 16 Januari 2017 hingga 25 Januari 2017.

Bagi episod pertama, 13,477 buah keluarga yang melibatkan 333 buah pusat pemindahan telah berpindah ke pusat pemindahan melibatkan tiga (3) negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Sabah adalah seramai 44,498 orang mangsa. Bagi episod kedua pula, jumlah keseluruhan mangsa dari 9 buah negeri yang terjejas akibat banjir bagi episod kedua adalah seramai 63,395 orang dari 17,366 buah keluarga dengan melibatkan pengoperasian 599 buah pusat pemindahan.

Pada tahun 2014 yang lalu, Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membelanjakan sejumlah RM60,956,587.90 bagi tujuan mengurus dan membekalkan keperluan kepada mangsa banjir. Bagi memastikan kebajikan semua mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan terjaga, segala barang keperluan asas seperti makanan basah dan kering serta barang keperluan lain telah dibekalkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi kejadian banjir pada tahun 2017 pula, jumlah perbelanjaan dalam mengurus semua mangsa banjir yang berpindah di Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor adalah sebanyak RM 4,282,440.81.

Sekian. Terima kasih.